

508:  
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 18 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MEMBERI JAMINAN, KEMENTERIAN AKAN MENYOKONG DAN BERDIRI TEGUH DI BELAKANG GURU-GURU YANG MEROTAN MURID-MURID UNTUK MENEGAKKAN DISIPLIN.

TEGASNYA, SEGALA IKHTIAR DAN USAHA HENDAKLAH DIAMBIL UNTUK MENEGAKKAN DISIPLIN DEMI UNTUK MENJAMIN KEMAJUAN PELAJARAN.

ATURAN-ATURAN TENTANG MEROTAN MURID-MURID TELAH DISEDIAKAN UNTUK MENJAMIN MURID-MURID DI ROTAN MENGIKUT ATURAN DAN TATATERTIB.

BAGAIMANAPUN, KEBANYAKAN GURU-GURU ENGGAN MENGGUNAKAN HUKUMAN ROTAN INI KERANA TAKUT REAKSI IBUBAPA.

MENTERI PELAJARAN PERCAYA IBUAPA TIDAK AKAN MARAH JIKA ANAK-ANAK MEREKA DIROTAN MENGIKUT PERATURAN DAN TIDAK MENGIKUT NAFSU ATAU DIWAKTU GURU-GURU SEDANG MARAH.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP MERASMIKAN KURSUS PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN MODEN BAGI GURU-GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH DI MAKTAB PERGURUAN ILMU KHAS, CHERAS DI SINI. --BERSAMBUNG 1057/LK

509:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KURSUS TERSEBUT, DR. MAHATHIR BERHARAP PARA PESERTA DAPAT BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN DAN MEMBINCANGKAN CARA-CARA YANG BERKESAN UNTUK MENGATASI BERBAGAI MASALAH SEKOLAH YANG SEMAKIN HARI SEMAKIN MENINGKAT.

PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOJI DAN PERUBAHAN SOSIAL YANG PESAT MEMERLUKAN APPROACH BARU DAN REALISTIK.

KURSUS INI, TAMBAHNYA, AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA GURU-GURU BESAR MENKAJI TEKNIK-TEKNIK PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SEKOLAH DENGAN BAIK DAN MEMBANTU USAHA KEMENTERIAN PELAJARAN MENINGGIKAN TARAF PENTADBIRAN PELAJARAN DAN SEKOLAH DI NEGARA INI.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU, SEKARANG INI ADA 783 BUAH SEKOLAH MENENGAH DI SELURUH NEGARA DENGAN BILANGAN MURID-MURID SERAMAI 722,479 ORANG. --BERNAMA 1059/LK

513:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 509)

SERAMAI 120 ORANG PESERTA DARI SEMENANJUNG MALAYSIA MENGIKUTI KURSUS YANG TAMAT PADA 28 NOV. INI. --BERNAMA 1131/LK